

Selamat Hari Raya

Menegakkan Agama Mestilah Berkorban

Allah Maha Besar! Kita agung-agungkan nama-Nya pada Hari Raya Aidil Adha ini. Kita syukuri nikmat-Nya, kita tegakkan agama-Nya, kita besarkan syiar-Nya dan pertahankan kesucian-Nya dengan segala pengorbanan yang kita dapat lakukan.

(oleh: Al-Ustaz Muhammad Ali al-Hamidi)

Allāhu akbar! Allāhu akbar! Allāhu akbar!

Di tengah-tengah manusia yang banyak melupakan Tuhan dan inkar¹ akan nikmat-Nya, *alḥamdulillāh* kita kaum Muslimin masih sanggup bersyukur dan berterima kasih kepada-Nya. Mudah-mudahan kita dimasukkan dalam golongan yang dinyatakan dalam firman-Nya:

Wa qatilun min ‘ibādī al-shakūr.

Ertinya: “Dan sedikit daripada hamba-hamba-Ku yang berterima kasih”.

Tanda syukur seorang hamba kepada Tuhan-Nya, ialah mengerjakan perintah-Nya dan menjauhkan larangan-Nya.

Bagi melaksanakan kewajipan agama, diperlukan sangat kepada pengorbanan tenaga, fikiran dan harta benda, bahkan ada kalanya jiwa. Semua pengorbanan itu tidak akan sia-sia di sisi Allah, besar mahupun kecil, banyak atau sedikit. Dengarlah firman Allah *subḥānahu wa ta‘ālā* :

... Dhālika bi annahum lā yuṣībuhum ḡama‘un wa lā naṣabun wa lā makhmaṣatun fī sabīli Allāhi wa lā yaṭa‘ūna mawṭi‘an yaghīzu al-kuffāra wa lā yanālūna min ‘aduwwin nayan illā kutiba lahum bihī

‘amalun ṣālih, inna Allāha lā yuḏī‘u ajra al-muḥsinīn. Wa lā yunfiqūna nafaqatan ṣaghīratan wa lā kabīratan wa lā yaṭa‘ūna wādiyan illā kutiba lahum li yajziyahumu Allāhu aḥsana mā kānū ya‘malūn
(120 – 121, *al-Tawbah*).

Ertinya: “Yang demikian itu, kerana tidak akan mengenai mereka dahaga dan penat, dan tidak pula kelaparan pada jalan Allah, dan tidak mereka menderita suatu penderitaan dari musuh, melainkan adalah semua itu dituliskan untuk mereka suatu amal salih, sesungguhnya Allah tidak menyia-nyiakkan pahala orang-orang yang berbuat baik. Dan begitu juga tidak mereka membelanjakan satu belanja yang kecil atau yang besar dan tidak pula mereka melintasi sesuatu lembah, melainkan dituliskan pahala bagi mereka, kerana Allah mahu balas mereka dengan balasan yang lebih baik daripada apa yang mereka kerjakan.”

Allāhu Akbar, Allāhu akbar, Allāhu kubrun?¹

Berbesar hatilah dengan segala pengorbanan yang kita telah berikan untuk kepentingan agama Allah, kerana semua itu tercatat pada sisi Allah menjadi amal salih yang besar pahalanya. Yang penting bagi kita ialah taat menjalankan

¹ Kesalahan teks. Sepatutnya ingkar.

² Kesalahan teks. Sepatutnya akbar!